



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN KOTA		
TARIKH	:	6/7/2019	MUKA SURAT	: 47
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Tapak projek curi air diserbu

SEREMBAN 5 Ogos - Tapak pembinaan perumahan di Bandar Sri Sendayan di sini diserbu selepas dipercayai mencuri bekalan air Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains).

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, serbuan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dijalankan selepas siasatan mendapati penghuni premis melakukan penyambungan sumber air secara tidak sah.

"Akaun premis telah dikenakan tindakan pemotongan pada 10 Julai lalu akibat tunggakan yang tinggi. Anggaran kerugian yang ditanggung Sains akibat penyambungan tidak sah itu melebihi RM19,000.

"Sumber bekalan air didapati digunakan untuk kegunaan harian pekerja di rumah kongsi, kantin dan lima buah



KAKITANGAN Sains melakukan pemotongan sambungan air secara haram di tapak pembinaan di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan.

tangki simpanan air," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 89 (9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 itu memperuntukkan denda RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Tambahnya, pegawai penguat kuasa Sains turut menjalankan ujian klorin di lokasi berkenaan dan terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik Sains.

"Pihak SPAN telah menyita semua pemasangan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti," katanya.